

Jangan Libatkan Diri Anda Dengan Rasuah Dan Salah Guna Kuasa

“Tugas Penjawat Awam bukan mudah. Kita akan sentiasa dipantau, diperhatikan dan diadili oleh rakyat atas kebolehan kita melaksanakan amanah”

Majlis Amanat Ketua Setiausaha Negara 2023



22

APAKAH ITU RASUAH?

Secara umumnya, rasuah merupakan suatu perbuatan sama ada memberi atau menerima sesuatu suapan yang berbentuk wang tunai atau barang berharga sebagai upah bagi melakukan suatu perbuatan yang mempunyai kaitan dengan bidang tugas seseorang itu. Sebagai contoh, seorang kontraktor memberikan hadiah berbentuk jam tangan berharga kepada seorang pegawai Kerajaan bagi meluluskan projek kepada syarikatnya.

JENIS-JENIS KESALAHAN RASUAH MENGIKUT AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009

BERDASARKAN SPRM 2009 (AKTA 694), TERDAPAT EMPAT (4) KESALAHAN RASUAH YANG UTAMA IAITU:

- 1. MEMINTA/MENERIMA RASUAH [SEKSYEN 16 & 17(a) ASPRM 2009]**
- 2. MEMBERI SUAPAN [SEKSYEN 17(b) ASPRM 2009]**
- 3. MENGEMUKAKAN TUNTUTAN PALSU [SEKSYEN 18 ASPRM 2009]**
- 4. SALAH GUNA KUASA [SEKSYEN 23 ASPRM 2009]**

Secara umumnya, hukuman bagi kesalahan rasuah ialah dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh (20) tahun dan didenda tidak kurang dari lima (5) kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

GAGAL MELAPOR

**GAGAL MELAPOR PEMBERIAN, JANJI ATAU TAWARAN RASUAH DI BAWAH SEKSYEN 25 (1) DAN (2) AKTA SPRM 2009
DENDA TIDAK LEBIH RM100,000, PENJARA TIDAK LEBIH 10 TAHUN ATAU KEDUA-DUANYA SEKALI**

**GAGAL MELAPOR PERMINTAAN ATAU MEMPEROLEH SUAPAN DI BAWAH SEKSYEN 25 (3) DAN (4) AKTA SPRM 2009
DENDA TIDAK LEBIH RM10,000, PENJARA TIDAK LEBIH 2 TAHUN ATAU KEDUA-DUANYA SEKALI**